

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL

**Mampukah dia
berdikari tanpamu
satu hari nanti?**



Salah satu daripada matlamat dalam hidup adalah untuk memastikan mereka yang tersayang dijaga walaupun setelah ketiadaan anda. Anda akan berasa lebih tenang dengan harapan bahawa mereka akan menjalani kehidupan yang lebih baik kerana anda mampu memberikan mereka keselesaan yang terbaik.

Namun kadangkala hidup ini tidak mudah, dan perjalanan anda dalam membina legasi terkandas disebabkan pelbagai tanggungjawab dalam kehidupan. Anda terpaksa mengutamakan hal-hal semasa yang mungkin menghalang simpanan dan pelaburan anda untuk masa hadapan.

PruBSN Warisan direka khas bagi memenuhi keperluan anda untuk meninggalkan warisan buat orang yang tersayang dalam bentuk hibah sekiranya perkara yang tidak diingini menimpa anda. Ianya satu pelan takaful berkaitan pelaburan yang memberikan perlindungan yang tinggi. Dengan PruBSN Warisan, anda dan orang yang anda sayangi dilindungi daripada hidup yang tidak terjamin supaya warisan anda akan terbina dengan teguh.

MANFAAT

Legasi Yang Anda Bina



Sara Hidup Keluarga

Dengan jumlah perlindungan minimum sebanyak RM500,000, kesejahteraan orang yang anda sayangi pastinya dilindungi sekiranya perkara yang tidak diduga berlaku.



Hibah

Lindungi masa depan mereka yang tersayang dengan menamakan mereka sebagai penama. Mereka akan menerima jumlah perlindungan tanpa prosedur pusaka yang rumit. Dengan warisan yang ditinggalkan, hutang anda juga boleh diselesaikan untuk meringankan beban yang mereka tanggung.



Had Tanpa Pemeriksaan Perubatan Yang Tinggi

Dapatkan perlindungan setinggi RM1,500,000 dan nikmati proses aplikasi mudah tanpa pemeriksaan kesihatan*.

**Bergantung kepada umur dan tahap kesihatan orang yang dilindungi.*

CIRI-CIRI PRODUK

Perlindungan Yang Penting

Manfaat-manfaat ini dicipta untuk memberi perlindungan kepada anda dan keluarga dengan jumlah perlindungan yang tinggi berdasarkan sumbangan yang berpatutan.

Manfaat Kematian	Jika berlaku kehilangan nyawa, kami akan membayar mana-mana yang lebih tinggi: <ul style="list-style-type: none">• Jumlah Perlindungan Asas semasa; atau• Nilai unit-unit di dalam Akaun Unit Perlindungan (PUA) & Akaun Unit Pelaburan (IUA)
Manfaat Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh (TPD)	Jika berlaku TPD sebelum umur 70 tahun, kami akan membayar mana-mana yang lebih tinggi: <ul style="list-style-type: none">• Jumlah Perlindungan Asas semasa; atau• Nilai unit-unit di dalam PUA & IUA <p><i>Nota: Tertakluk kepada jumlah maksimum RM4 Juta bagi setiap orang yang dilindungi.</i></p>
Tempoh Manfaat Fleksibel	Pilih untuk dilindungi sehingga umur 70 atau 80 tahun. Tertakluk kepada tempoh manfaat sekurang-kurangnya 10 tahun.
Tempoh Sumbangan Fleksibel	Anda mempunyai fleksibiliti untuk memilih tempoh sumbangan anda: <ul style="list-style-type: none">• 5 tahun• 10 tahun• 20 tahun• Tempoh perlindungan penuh
Umur Kemasukan	19 hingga 70 tahun (umur pada tarikh lahir akan datang) Untuk umur tamat tempoh pada 70 tahun, umur kemasukan maksimum adalah 60 tahun pada tarikh lahir akan datang.
Jumlah Perlindungan	Jumlah minimum sebanyak RM500,000 dan ke atas.
Sumbangan	Sumbangan bergantung kepada pilihan jumlah perlindungan asas, tempoh sumbangan dan kekerapan sumbangan (bulanan, suku tahunan, setengah tahunan atau tahunan) anda. Kadar sumbangan akan berbeza mengikut umur, jantina, status merokok, kelas pekerjaan, umur tamat tempoh dan keadaan kesihatan.

Peruntukan Sumbangan

Sumbangan anda (selepas ditolak caj-caj Wakalah) akan dilaburkan di dalam dana berkaitan pelaburan yang patuh Syariah mengikut pilihan anda. Kadar peruntukan sumbangan anda bergantung kepada Tempoh Sumbangan yang dipilih. Sila rujuk kepada Ilustrasi Pelan untuk maklumat lanjut. Bergantung kepada Tempoh Sumbangan yang anda pilih, sebahagian daripada sumbangan anda mungkin akan dimasukkan di dalam IUA yang mempunyai kadar peruntukan yang lebih tinggi, sebanyak 95%.

Pilih daripada 3 jenis dana pelaburan untuk sumbangan anda mengikut toleransi risiko anda:

• **Takafulink Dana Ekuiti**

• **Takafulink Dana Bon**

• **Takafulink Dana Urus**

Untuk maklumat lanjut mengenai profil dana dan prestasi masa lalu, anda boleh merujuk laman web kami di www.prubsn.com.my

MANFAAT TAMBAHAN

Perlindungan Mengikut Keperluan Anda

Sesuaikan perlindungan dengan keperluan gaya hidup anda dengan rider tambahan PruBSN Warisan.

Crisis Protector	Rider ini membayar satu jumlah sekaligus apabila disahkan menghidap penyakit kritikal. Jumlah perlindungan asas anda tidak akan terjejas dengan pembayaran manfaat ini.
Accidental Protector	Apabila berlaku kehilangan nyawa atau TPD akibat kemalangan sebelum umur 70 tahun, satu jumlah sekaligus akan dibayar.
Contributor	Contributor membayar manfaat yang bersamaan dengan sumbangan berkala sijil apabila orang yang dilindungi disahkan menghidap penyakit kritikal. Manfaat ini tidak termasuk sumbangan untuk Crisis Protector dan Contributor.

CAJ-CAJ DAN POTONGAN

Caj Wakalah Pendahuluan

Caj ini membenarkan kami untuk membayar komisen dan perbelanjaan berkaitan pengagihan serta perbelanjaan pengurusan. Peratusan yang ditunjukkan di bawah adalah berdasarkan tempoh sumbangan 20 tahun dan ke atas. Bagi tempoh kurang daripada 20 tahun, sila rujuk Ilustrasi Pelan.

Akaun	Tahun Sijil						
	1	2	3	4	5	6	>7
PUA	60%	50%	30%	25%	10%	10%	0%
IUA	5%	5%	5%	5%	5%	5%	5%

Caj Perkhidmatan Wakalah

Caj Perkhidmatan Wakalah dikenakan setiap bulan selagi sijil masih sah. Berikut adalah caj perkhidmatan wakalah untuk semua cara pembayaran:

Cara Pembayaran Sumbangan	Semua Kekerapan Pembayaran
Cek	RM6 bulanan
Lain-lain	RM5 bulanan

Caj Wakalah Pengurusan Aset

Caj ini dikenakan pada dasar harian setiap tahun daripada nilai akaun pelaburan anda untuk perbelanjaan pengurusan pelaburan anda.

Takafulink Dana Bon	0.5% setahun
Takafulink Dana Ekuiti	1.5% setahun
Takafulink Dana Urus	1.3% setahun

Tabarru'

Tabarru' ditolak setiap bulan daripada nilai unit anda untuk membayar perlindungan takaful anda. Tabarru' untuk perlindungan takaful berbeza mengikut umur pada hari lahir akan datang, jantina, status merokok, kelas pekerjaan, pengkadaran perubatan dan jumlah risiko. Tabarru' akan meningkat apabila anda semakin tua.

Tabarru' bermakna derma sebahagian nilai tertentu daripada sumbangan ke dalam Dana Tabarru' bagi tujuan saling membantu di antara peserta mengikut manfaat-manfaat yang dipersetujui di bawah pelan tersebut.

Nota: Jumlah risiko adalah di mana jumlah perlindungan asas melebihi baki PUA dan IUA. Jika tiada lebih daripada jumlah perlindungan dan baki PUA dan IUA, jumlah risiko adalah sifar. Maka, tiada potongan Tabarru'dikenakan.

Caj Penambahan

Kami mengenakan caj 5% untuk setiap penambahan sumbangan tunggal. Di samping itu, untuk setiap penambahan yang kurang daripada RM5,000, caj tambahan sebanyak RM25 akan dikenakan.

Caj Menukar Ganti Dana

Kami menyediakan empat tukar ganti percuma setiap tahun. Untuk sebarang tukar ganti lanjutan dalam tempoh tahun tersebut, caj tukar ganti ditetapkan pada 1% daripada amaun yang ditukar ganti (tertakluk kepada jumlah maksimum sebanyak RM50).

Nota: Potongan Tabarru' bagi semua rider pilihan, Caj Perkhidmatan Wakalah, Caj Penambahan Wakalah dan Caj Menukar Ganti Dana adalah tertakluk kepada Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) berdasarkan amaun yang sama dengan kadar lazim.

NOTA-NOTA PENTING

1. Ini adalah produk takaful yang terikat pada prestasi aset-aset pendasar, dan ia bukan suatu produk pelaburan tulen seperti unit amanah.
2. Risalah ini tidak mengikat sebarang kontrak di antara anda dan Prudential BSN Takaful Berhad (PruBSN). Untuk maklumat lanjut mengenai pelan ini dan rider pilihan, sila rujuk kepada Ilustrasi Pelan, Lampiran Keterangan Produk dan Profil Dana sebelum menyertai pelan ini.
3. Pulangan daripada PUA dan IUA (jika berkenaan) anda, sekiranya ada, akan berdasarkan kepada prestasi sebenar dana-dana dan ia tidak dijamin.
4. Risiko pelaburan dana anda akan ditanggung sepenuhnya oleh anda dan manfaatnya mungkin kurang daripada jumlah sumbangan yang dibayar.
5. Jika anda berhenti membayar atau tidak membayar sumbangan, perlindungan anda mungkin ditamatkan sebelum waktunya.
6. Kadar sumbangan dan Tabarru' dan caj-caj lain adalah tidak dijamin. PruBSN berhak menilai semula kadar sumbangan, kadar Tabarru' dan/atau caj-caj lain dengan memberi notis bertulis 90 hari. Sekiranya terdapat peningkatan dalam kadar dan caj-caj lain Tabarru' selepas tempoh sumbangan, anda mungkin dikehendaki membayar sumbangan tambahan selepas tempoh sumbangan.
7. Contributor akan membantu dalam pembayaran jumlah sumbangan selepas disahkan menghidap penyakit kritikal dalam tempoh bayaran sumbangan dan jumlah manfaat adalah seperti yang dinyatakan dalam sijil takaful. Sekiranya sumbangan atau caj semakan menjejaskan jumlah sumbangan pada masa akan datang, anda dikehendaki membayar tambahan sumbangan penambahan bagi memastikan nilai PUA dan IUA mampan sepanjang tempoh sijil.
8. Untuk PruBSN Warisan, anda berhak menerima pelepasan cukai berkaitan sumbangan anda sehingga RM6,000. Sebarang pelepasan cukai adalah tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).
9. PruBSN Warisan adalah berasaskan model Wakalah Bil Ajr iaitu satu persetujuan untuk PruBSN menguruskan pelan takaful anda sebagai pulangan untuk caj-caj yang tersenarai di atas. Sumbangan anda akan dimasukkan ke dalam PUA dan IUA (jika berkenaan) selepas ditolak caj wakalah pendahuluan. Perlindungan takaful (bersamaan dengan jumlah risiko) diperoleh daripada Dana Tabarru'.
10. PruBSN Warisan tidak menyediakan manfaat daripada Dana Tabarru' pada penamatan, tamat tempoh atau kematangan sijil.
11. Anda berhak menerima sebarang agihan lebih daripada Dana Tabarru' termasuk keuntungan (jika ada) pada setiap akhir tahun kewangan. Bersama para peserta yang lain, anda berhak menerima 50% daripada lebih dan PruBSN akan menerima baki selebihnya 50% sebagai insentif menguruskan Dana Tabarru'. Bahagian agihan lebih anda akan dimasukkan semula ke dalam PUA anda. Amaun agihan lebih sebenar akan ditetapkan setiap tahun dan tertakluk kepada persetujuan Jawatankuasa Syariah dan Lembaga Pengarah PruBSN.
12. Hibah adalah pemberian hadiah samada diberikan kepada orang yang memerlukan atau yang berkemampuan, dan oleh itu berlainan daripada sadaqah yang bermaksud pemberian untuk orang yang memerlukan sahaja. Mengikut konteks penamaan untuk manfaat takaful, pelaksanaan hibah bersyarat adalah tertakluk kepada Jadual 10 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

Nota: Maklumat lanjut untuk perlindungan dan manfaat-manfaat rider pilihan boleh didapati dalam Lampiran Keterangan Produk yang harus dibaca dengan teliti sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai pelan ini.

PENGECUALIAN

PruBSN Warisan tidak melindungi sebarang situasi yang berikut:

1. Kematian akibat membunuh diri dalam tempoh setahun daripada tarikh sijil.
2. TPD yang berlaku secara langsung atau tidak langsung disebabkan percubaan bunuh diri atau mencederakan diri sendiri dalam keadaan waras atau tidak waras.
3. TPD yang berlaku secara langsung atau tidak langsung disebabkan penglibatan di dalam penerbangan udara (termasuk payung terjun dan penerjunan udara) selain daripada sebagai anak kapal atau penumpang berbayar di dalam pesawat komersial berlesen yang beroperasi pada laluan biasa yang telah ditetapkan.
4. Sebarang keadaan sedia ada yang belum didedahkan kepada kami berkaitan status kesihatan Orang yang Dilindungi yang berkenaan. Ini boleh digunakan dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh sijil berkuatkuasa. Apa-apa keadaan sedia ada yang tidak didedahkan kepada kami selepas dua belas (12) bulan akan dikendalikan mengikut Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

Pengecualian dan had-had adalah tidak terhad kepada yang tertera di atas dan anda perlu merujuk dokumen sijil untuk maklumat lanjut.

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL




PruBSN Warisan adalah produk yang berasaskan Syariah.

Prudential BSN Takaful Berhad merupakan Pengendali Takaful yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan di kawalselia oleh Bank Negara Malaysia.

Bagi maklumat/pertanyaan lanjut, sila hubungi:

PRUDENTIAL BSN TAKAFUL BERHAD (740651-H)

Tingkat 8A, Menara Prudential, No. 10, Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur

 03 2053 7188  03 2072 6188  customer@prubsn.com.my



SMS PruBSN dan hantarkan kepada 33080



www.facebook.com.my/prubsn



www.linkedin.com/company/prudential-bsn-takaful-berhad

AHLI



Penting: Anda seharusnya berpuas hati bahawa produk ini mampu memenuhi keperluan anda dan sumbangan yang dibayar di bawah sijil ini merupakan jumlah yang anda mampu bayar.

Semua maklumat adalah betul semasa percetakan. Dicitak Oktober 2016